

22 MAR 1998

Mahathir-UMNO

UMNO SANGGUP SINGKIR ANGGOTA KEDUDUKAN TINGGI KERANA POLITIK WANG

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata UMNO sanggup menyingkir anggotanya yang terlibat dalam politik wang walaupun mereka menjawat kedudukan tinggi dalam parti.

"Bagi UMNO, walaupun kita terpaksa menyingkirkan orang yang mempunyai kedudukan tinggi, ia adalah lebih baik daripada UMNO menjadi parti politik yang mengamalkan rasuah politik," katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah selepas melakukan lawatan tiga hari ke Jerman.

Beliau diminta mengulas langkah Badan Pencegah Rasuah menahan beberapa anggota UMNO berhubung gejala politik wang dalam pemilihan bahagian yang sedang berlangsung.

Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata: "Kalau ada korupsi apa kita nak buat. Kita hendak UMNO bebas daripada politik wang."

Beliau berkata UMNO telah melakukan segalanya bagi mengatasi gejala itu.

"Kita sudah beri amaran, kita sudah adakan mesyuarat berhubung politik wang. Kalau mereka masih tidak mengamalkan (apa yang dikehendaki parti), BPR akan buat siasatan," katanya.

Semalam Ketua Pengarah BPR Datuk Shafee Yahaya berkata mereka menahan dan mengambil keterangan tiga anggota perwakilan ke persidangan UMNO Bahagian Kuala Selangor berhubung politik wang.

Di Kedah pula, enam anggota parti yang menghadiri persidangan perwakilan Umno Bahagian Sungai Petani juga disoal siasat oleh BPR semalam bersabit dakwaan politik wang berhubung pemilihan di bahagian itu. --

BERNAMA

MAM MAI